



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Peningkatan Eksport Secara Mendadak Bagi Oktober 2018 Kepada Paras Tertinggi Sebanyak RM96.4 Bilion dan Lebihan Dagangan Sebanyak RM16.3 Bilion Membuktikan Bahawa Malaysia Berada Di Landasan Yang Tepat Melalui Pelan Konsolidasi Fiskal 3 Tahun Untuk Memulihkan Ekonomi Malaysia Menjadi Lebih Dinamik

Malaysia benar-benar mengagumkan apabila pasukan bola sepak Harimau Malaya seri dengan juara bertahan Thailand 2-2 di Bangkok untuk layak ke pusingan akhir Piala AFF Suzuki. Tahniah kepada pasukan dan semoga berjaya di final kelak.

Satu lagi berita baik untuk Malaysia adalah berkenaan perdagangan antarabangsa. Peningkatan mendadak eksport bagi Oktober 2018 sebanyak 17.7% tahun-ke-tahun (y-o-y) kepada paras bulanan tertinggi sebanyak RM96.4 bilion dan pencatatan rekod lebihan dagangan bulanan sebanyak RM16.3 bilion membuktikan bahawa Malaysia berada di landasan yang tepat dalam menjalankan Pelan Konsolidasi 3 Tahun Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi Malaysia dengan menjadikannya lebih dinamik.

Penunjuk utama dari data Jabatan Perangkaan Malaysian memperlihatkan bahawa:

- Eksport pada Oktober 2018 telah mencapai rekod baru tertinggi iaitu berjumlah RM96.4 bilion meningkat 17.7% tahun ke tahun. Berasaskan bulan ke bulan, eksport meningkat 16.2% atau RM13.4 bilion daripada RM83.0 bilion.
- Berasaskan tahun ke tahun, pertumbuhan eksport disumbangkan oleh pengembangan eksport ke China (+RM3.7 bilion), Hong Kong (+RM2.2 bilion), Singapura (+RM2.1 bilion), Taiwan (+RM1.4 bilion) dan Australia (+RM1.3 bilion).
- Jumlah dagangan yang bernilai RM176.4 bilion meningkat RM22.7 bilion atau 14.8% daripada Oktober 2017. Ia juga naik RM25.8 bilion atau 17.1% berbanding September 2018. Lebihan dagangan adalah RM16.3 bilion, meningkat RM6.3 bilion (+63.1%) berbanding tahun lalu. Ia juga naik RM1.1 bilion (+7.2%) berbanding bulan sebelumnya.

Berasaskan bulan ke bulan, eksport naik RM13.4 bilion (+16.2%) daripada RM83.0 bilion. Semua produk utama merekodkan peningkatan.

- Barangan elektrik dan elektronik meningkat RM5.5 bilion (+16.8%) daripada RM32.9 bilion;

- Petroleum mentah meningkat RM1.1 bilion atau 40.7% daripada RM2.7 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam kedua-dua volum eksport (+31.8%) dan nilai purata seunit (+6.7%);
- Keluaran petroleum bertapis berkembang RM1.0 bilion atau 18.3% daripada RM5.7 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam kedua-dua nilai purata seunit (+16.2%) dan volum eksport (+1.8%);
- Gas asli cecair meningkat RM927.7 juta (+29.5%) daripada RM3.1 bilion berikutan peningkatan dalam kedua-dua volum eksport (+27.5%) dan nilai purata seunit (+1.6%);
- Minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit naik RM599.3 juta atau 10.8% daripada RM5.6 bilion. Eksport minyak kelapa sawit meningkat RM253.0 juta atau 7.5% berikutan peningkatan dalam volum eksport (+9.2%) walaupun nilai purata seunit menurun 1.5%;
- Kayu dan hasil keluaran kayu naik RM393.0 juta (+22.3%) daripada RM1.8 bilion; dan
- Getah asli merekodkan peningkatan sebanyak RM8.2 juta atau 2.7% daripada RM306.5 juta disebabkan oleh peningkatan dalam volum eksport (+3.5%) walaupun nilai purata seunit menurun 0.8%.

Apa yang memberangsangkan ialah eksport komoditi utama Malaysia yang telah terjejas dengan kejatuhan harga dan kadar permintaan, terutamanya minyak sawit dan getah asli, merekodkan peningkatan pada Oktober berbanding September 2018. Walau bagaimanapun, berita baik tentang suasana perdagangan ini mestilah diterima dengan waspada kerana keadaan perdagangan dan ekonomi global masih lagi lembab meskipun gencatan perang dagang selama 90 hari telah diumumkan China dan Amerika Syarikat.

Perkembangan positif ini berlaku selepas pengumuman Malaysian Investment Development Authority (MIDA) yang menyatakan bahawa Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diluluskan dalam sektor pembuatan telah meningkat sebanyak RM35 bilion, atau 250%, kepada RM49 bilion di dalam sembilan bulan pertama 2018, dari RM14.0 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu.

Apa yang lebih mengagumkan adalah bahawa bagi bulan Mei kepada September 2018, jumlah FDI keseluruhan yang diluluskan dalam sektor pembuatan ialah RM35 bilion berbanding RM7.3 bilion pada Mei ke September 2017. Peningkatan RM27.7 bilion atau 379% seperti yang ditunjukkan membuktikan bahawa keyakinan pelabur asing telah melonjak di bawah kepimpinan baru Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, selepas peralihan kuasa secara aman yang berlaku pada 9 Mei 2018.

Pada masa yang sama, Bloomberg pada 28 November 2018 telah meletakkan Malaysia di tangga pertama dalam senarai 20 ekonomi baru muncul di dunia. Bloomberg menyatakan yang Malaysia berada di tangga teratas kerana negara mempunyai ***“lebih akaun semasa negara tersebut serta pertumbuhan dan penilaian ekonomi yang stabil. Data juga menunjukkan inflasi berada pada paras 0.6 peratus pada Oktober berbanding setahun yang lalu, berbanding hasil bon kerajaan 10-tahun sebanyak lebih kurang 4.17 peratus.”***

Sayangi Malaysiaku!

**Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
6 Disember 2018**

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Oktober 2018
y-o-y= tahun ke tahun m-o-m = bulan ke bulan